

13 APR 2001

Syed Hamid-Bukti

PENAHANAN SETELAH POLIS PUAS HATI DENGAN BUKTI, KATA SYED HAMID

SEPANG, 13 April (Bernama) -- Tindakan polis menahan tujuh orang anggota pembangkang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dibuat setelah berpuashati dengan segala bukti dan maklumat yang didapati hasil pemerhatian yang dilakukan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata di bawah peruntukan undang-undang polis mesti berpuashati terlebih dahulu dengan bukti sebelum melakukan penangkapan terhadap mana-mana individu.

"Jelas sekali polis telah memerhati dan banyak maklumat dan juga lihat apa yang pernah dilakukan oleh kumpulan yang sama. Untuk polis mengambil tindakan, mereka (polis) tidak ambil tindakan dengan sewenang-wenang atau tanpa alasan dan hujah yang kukuh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum menyambut ketibaan Putera Mahkota Dubai Sheikh Mohamed Rashid Al-Maktoum di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, hari ini.

Syed Hamid ditanya mengenai gesaan pembangkang supaya polis mengemukakan bukti bahawa tujuh orang yang ditahan mengikut ISA itu merancang untuk mencetuskan demonstrasi bercorak militan.

Mereka yang ditahan itu adalah Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Mohamad Ezam Mohd Noor, Naib Presiden Keadilan Chua Tian Chang, Hishamuddin Rais, Saari Sungib, N.Gobalakrishnan, Raja Petra Raja Kamarudin dan Abdul Ghani Haroon.

Polis, katanya, sedar mereka yang ditahan itu adalah daripada kumpulan yang sama mengatur demonstrasi dan mengadakan tunjuk perasan sebelum ini yang telah menjejaskan kesejahteraan awam serta mencetuskan keadaan huru-hara.

"Takkan kita nak tunggu sekali lagi keadaan huru-hara itu baru nak bertindak," katanya.

Beliau berkata Akta ISA itu digunakan kerana ia adalah akta yang bersifat pencegahan.

Ditanya sama ada beliau percaya terdapat sokongan luar bagi menjayakan demonstrasi bercorak militan itu oleh mereka yang ditahan itu, Syed Hamid berkata, beliau tidak mahu membuat spekulasi mengenainya.

"Apa yang penting adalah bagi kita bersedia menghadapi kritikan media luar hasil tindakan polis itu dan bertindak menjaga kesejahteraan dan ketenteraman awam.

"Itu yang penting bagi kita," kata beliau.

Mengenai tindakan penganjur "Perhimpunan Penyerahan Memorandum Rakyat" yang tidak akan membatalkan perhimpunan yang dijadualkan esok, beliau berkata tindakan itu boleh mengganggu ketenteraman rakyat.

Perhimpunan itu bercadang menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Syed Hamid berkata, penganjur perhimpunan itu boleh menghantar memorandum itu kepada Suhakam tanpa perlu mengadakan perhimpunan yang tidak mendapat kelulusan polis.

Mengenai lawatan Putera Mahkota Dubai dari Emiriah Arab Bersatu (UAE), katanya, ia adalah lawatan tidak rasmi selama sehari di mana beliau akan dibawa melawat pusat pentadbiran negara, Putrajaya dan Cyberjaya.

Malam ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meraikan Sheikh Mohamed Rashid pada satu jamuan makan.

Dr Mahathir juga akan melakukan lawatan ke UAE pada 26 April hingga 28 April ini di mana beliau dijadualkan menyampaikan ucapan utama pada seminar

"Meeting The Challenges Of 21st Century."  
-- BERNAMA  
MHI AHH AKD